


# PLANET MASMED

NO. 02

OKTOBER 2025

UiTMCNS



ENCULTURE



ENGAGE



CREATE



EXCELLENT  
SYNERGY  
INTEGRITY

eISSN 2805-5535



9 7 7 2 8 0 5 5 5 3 0 0 5

**MAJLIS PENUTUP PROGRAM  
UiTM & MBS @ CITRA LORONG SENI SEREMBAN (UiTM & MBS @ CLAS)  
KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI  
SEMBOLAN (UiTMCNS DAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS))**

Dr. Nordayana Zulkifli  
Business and Management Department,  
UiTM Negeri Sembilan (Campus Kuala Pilah)

Program UiTM & MBS @ Citra Lorong Seni Seremban 2022 telah berjaya mencapai objektif dan matlamat utama penganjurannya. Pelbagai program berkaitan aktiviti pelajar, aktiviti jabatan, program kemasyarakatan, kolaborasi bersama jabatan kerajaan yang berkaitan telah dilakukan sepanjang hampir 3 bulan program ini berlangsung bermula daripada 11 September yang lalu. Bertemakan “Dari Kampus ke Lorong Seni”, UiTM dan MBS telah bekerjasama selama 8 hari aktiviti pada hujung minggu serta melibatkan 14 jabatan dan fakulti yang terdapat di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Bermula daripada majlis perasmian UiTM & MBS @ CLAS 2022 yang dirasmikan oleh Ybhg Datuk Bandar Seremban pada 11 September 2022, inisiatif jabatan di dalam UiTM bersama kolaborasi pihak Jabatan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan MBS, telah berjaya menyemarakkan aktiviti pelancongan dan kemasyarakatan di Lorong Seni Seremban dan dalam masa yang sama, semakin mendapat perhatian dan maklumbalas positif daripada masyarakat setempat. Usaha yang jitu dan kerjasama yang diberikan oleh kedua belah pihak, berjaya memeriahkan aktiviti di Lorong Seni Seremban di samping menarik perhatian pelancong untuk mengenali dan melawat mural yang terdapat di Lorong Seni Seremban.

Kerjasama yang diberikan oleh pensyarah, pelajar serta staf UiTMCNS yang terlibat serta bantuan dari segi tenaga kerja dan peralatan oleh pihak MBS, membawa hasil di mana, lorong seni seremban menjadi ceria dan meriah dengan kehadiran pelajar pelajar UiTMCNS pada saban minggu aktiviti. Selain itu, pelajar pelajar juga mendapat ilmu berkenaan sejarah dan koleksi mural yang ada di lorong seni seremban, selain menghubungkait setiap mural yang ada dengan kod subjek mereka. Pelancongan bersama ilmu adalah tema yang sangat sesuai diangkat kerana lorong seni seremban bukan sahaja dapat menjamu pandangan mata dengan koleksi mural yang amat indah, tetapi dalam masa yang sama mampu memberikan ilmu pengetahuan kepada pelancong serta pelajar yang terlibat mengenai sejarah mural yang terdapat di situ.

Adalah amat diharapkan agar program kerjasama sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan pengisian dan agenda pelancongan yang lebih menarik dan terkini untuk sentiasa memastikan lorong seni seremban sentiasa ada dalam peta pelancongan Seremban dan dalam masa yang sama dapat memberikan input imliah yang baik dan juga pendedahan yang menarik kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti luar kampus setelah 2 tahun berada dalam pandemik.

(Tarikh dan waktu adalah seperti di lampiran) .

**LAMPIRAN**  
**(TARIKH DAN ATURCARA PROGRAM)**  
**UiTM & MBS @ CITRA LORONG SENI SEREMBAN**  
**(UiTM & MBS @ CLAS)**

**11 SEPTEMBER 2022 (AHAD)**

(MAJLIS PERASMIAН OLEH YBHG DATUK BANDAR SEREMBAN)

1. SIMFONI MELODI DAN CITRA TARI (UNIT KEBUDAYAAN)
2. RERUAI BAHASA (AKADEMI PENGAJIAN BAHASA)
3. LAMAN USAHAWAN 1 (AKADEMI PEMBANGUNAN PKS DAN KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)

**24 SEPTEMBER 2022 (SABTU)**

1. SCIENCE: I'M LOVING IT! (FAKULTI SAINS GUNAAN)

**22 OKTOBER 2022 (SABTU)**

1. EKSPRESI SISWA 1 (BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR)
2. LAMAN USAHAWAN 2 (AKADEMI PEMBANGUNAN PKS DAN KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)

**23 OKTOBER 2022 (AHAD)**

1. EKSPRESI SISWA 2 (BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR)
2. LAMAN USAHAWAN 3 (AKADEMI PEMBANGUNAN PKS DAN KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)

**5 NOVEMBER 2022 (SABTU)**

1. BOGHONJENG (FAKULTI KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA)
2. MOH MASUK UITM (BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK & BAHAGIAN PENTADBIRAN)
3. JOM KENAL RAKAN STRATEGIK UITM (UNIT PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A)

**26 NOVEMBER 2022 (SABTU)**

1. SPORT FIESTA (FAKULTI SAINS SUKAN DAN REKREASI)
2. LAMAN USAHAWAN 4 (AKADEMI PEMBANGUNAN PKS DAN KEUSAHAWANAN MALAYSIA (MASMED)
3. GAMES GALORE (FAKULTI PERAKAUNAN)

**3 DISEMBER 2022 (SABTU)**

1. ESCAPADE WITH IM COMMUNITY (FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT)
2. STREETPRENEUR DAY@LORONG SENI SEREMBAN (FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN)

### 17 DISEMBER 2022 (SABTU)

1. FIESTA JALINAN STRATEGIK UITM & MBS (UNIT PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A))
2. SEREMBAN ART WALL PHOTOGRAPHY 2022 (FAKULTI KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA)
3. SIMFONI MELODI & CITRA TARI UITMCNS (UNIT KEBUDAYAAN)
4. MUZIKAL DAKWAH (AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI)



